

27/07/1997

## Strategi baru anarkis kapitalis Barat

A Nazri Abdullah

SEJARAH menunjukkan undang-undang dan peraturan perdagangan antarabangsa ditulis dan ditentukan oleh dua negara saja. Pada abad ke-19, Inggeris yang mempunyai tanah jajahan hampir separuh dunia, menjadi tuan dalam segala urusan perdagangan antarabangsa. Pada abad ke-20, Amerika dengan kekuatan tentera dan teknologinya muncul sebagai gergasi kapitalis dengan kuasa yang tidak terbatas untuk menentukan bentuk dan sistem perdagangan antarabangsa. Negara-negara kecil dan lemah ekonominya terpaksa tunduk di bawah telunjuk Amerika. Jepun yang mampu membebaskan diri adalah satu-satunya negara Asia yang berjaya dipujuk untuk bersekongkol dengan gergasi ekonomi Barat.

Laungan perdagangan bebas dan pasaran terbuka hanyalah metos yang cuba memerangkap negara yang lemah semangat. Perdagangan antarabangsa yang berteraskan sistem unipolar akan terus menguasai dunia pada abad akan datang. Kalau dua abad yang lalu memperlihatkan Inggeris dan Amerika menjadi penguatkuasa dan trafik yang mengawal perdagangan dunia, kini kelab lapan negara maju akan menjadi unipolar yang menentukan percaturan perdagangan antarabangsa. Istilah multilateral dan globalisasi hanya berfungsi untuk memenuhi nafsu dan kehendak kelab negara maju dan sebarang pergerakan yang cuba bersaing atau menggugat kekuatan mereka akan ditentang dengan pelbagai cara.

Pendapat bahawa peperangan pada abad ke-21 tidak akan berlaku di medan perang mungkin ada kebenarannya, tetapi peperangan di pasaran ekonomi, di bursa saham dan pasaran mata wang asing lebih parah daripada mayat yang bergelimpangan di medan perang. Orang yang sudah mati tidak boleh bertindak apa-apa tetapi yang hidup miskin dan perut kosong boleh menimbulkan huru-hara.

Kesan serangan ke atas pasaran mata wang dan bursa saham seperti yang berlaku di negara-negara Asean hari ini boleh memusnahkan seluruh ekonomi negara. Negara Asean yang memerlukan banyak teknologi untuk memacu proses perindustrian mereka akan menanggung bil import yang tinggi, yang kemudiannya akan melemahkan simpanan asing. Tanpa pengurusan ekonomi yang cekap dan berani mereka akan terjerat dalam perangkap hutang berpanjangan yang kemudiannya boleh meninggalkan kesan buruk ke atas kestabilan politik serantau.

Serangan ke atas mata wang baht, peso, ringgit, rupiah dan dolar Singapura beberapa minggu lalu adalah usaha strategik negara maju untuk melemahkan ekonomi Asean. George Soros, bangsa Yahudi keturunan Hungary dikatakan menjadi dalang dalam serangan ini. Beliau dan konco-konconya yang menguasai pengurusan dana asing yang besar berpakat untuk menyerang pasaran Asean bagi menyekat kelahiran harimau ekonomi yang bakal mengaum di pasaran antarabangsa. Serangan mereka tidak terhad di Asean saja. Mereka mempunyai strategi untuk menyerang Hong Kong dan kemudiannya menyekat kemaraan China sebagai gergasi ekonomi di rantau Pasifik.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dapat mencium maksud sebenar serangan anarkis kapitalis, lantas meminta Bank Pusat Asean bekerjasama menyelamatkan ekonomi Asean. Walaupun tidak mudah, Asean tidak mempunyai pilihan melainkan memikirkan cara terbaik bagaimana menangani serangan anarkis seperti Soros yang sebelum ini berjaya memanipulasikan pasaran timah dan emas dunia.

Tentunya Soros tidak keseorangan dalam hal ini. Beliau cuma protagonis yang mewakili kepentingan Barat yang lebih besar. Kuasa ekonomi Barat,

khususnya Amerika sedar ketuanan ekonomi mereka akan tergugat dengan kebangkitan Asia. Dengan kekuatan ekonomi yang dimiliki, negara Asia, khususnya Asean mula meneroka pasaran Afrika, Asia Tengah, Amerika Latin, negara Balkan dan China. Dengan hubungan politik yang intim di kalangan negara membangun, peluang ekonomi mudah direbut oleh usahawan dari kalangan mereka.

Apa yang paling dibimbangi oleh Barat, khususnya Amerika ialah kebangkitan China sebagai gergasi ekonomi dan politik yang bakal mengubah pusat ketuanan politik dan perdagangan antarabangsa. Soros dan konco-konconya sedar, jaringan usahawan China yang sudah lama bertapak di Asia akan menjadi katalis pembangunan ekonomi China. Di Asean saja, kira-kira 50 juta rakyat keturunan China memiliki hampir AS3 trilion harta dan mereka kini menjadi pelabur yang paling aktif di China.

Usahawan keturunan China yang dipanggil China seberang laut oleh Barat kini sudah menjalin perkongsian dengan rakan rakyat tempatan untuk menerokai pasaran antarabangsa. Dengan sokongan kuat daripada pimpinan politik, gabungan perkongsian ini boleh mencabar ketuanan ekonomi Barat. Ini jugalah yang dibimbangi oleh Huntington yang cuba menyembunyi kebimbangannya dalam konteks kerjasama Islam dan Confucionisme sebagai musuh baru Barat.

Dengan melemahkan pasaran Asean yang diramal muncul sebagai pusat pertumbuhan penting ekonomi dunia pada abad ke-21, anarkis ekonomi Barat berharap dapat menyekat kemaraan dan penerokaan usahawan Asean ke pasaran China dan pasaran baru di Afrika, Amerika Selatan dan negara-negara Balkan. Ini adalah strategi politik yang tentunya mendapat restu daripada pimpinan politik Barat.

Barat sedar bahawa kebangkitan Asia tidak boleh disekat lagi kerana hukum alam menyaksikan putaran roda yang berterusan. Mereka tidak akan meninggalkan pasaran Asean sebaliknya akan memasukinya semula dengan harga yang lebih murah bagi membolehkan mereka terus menguasai perdagangan dunia. Dengan lebih dua pertiga penduduk dunia berada di Asia, masa depan ketuanan ekonomi Barat sebenarnya berada di Asia. Apa yang sedang mereka lakukan ialah melemahkan ekonomi Asia di peringkat yang paling rendah untuk mereka memasukinya semula pada harga yang paling murah.

Asean dan Asia perlu sepakat menangani peperangan baru abad ke-21. Mereka tidak seharusnya terperangkap dengan istilah multilateral dan globalisasi yang bakal menjerut leher mereka. Kita sedar semua prinsip ekonomi yang dipelopori di Barat tidak lagi dipakai oleh Barat. Kekuatan mata wang yang berasaskan simpanan emas sudah musnah kerana Amerika boleh mencetak berapa banyak mata wangnya yang dikehendakinya.

Amerika adalah lambang pasaran yang paling bebas tetapi mengawal ketat pengaliran mata wangnya. Pelawat asing yang membawa lebih AS10,000 akan disoal siasat oleh Kastam Amerika kerana mereka tidak mahu berbilion wang dolar yang dicetak untuk membiayai perang dunia kedua, peperangan Vietnam dan krisis minyak (yang kini dikenali sebagai Euro dollar) dibawa masuk ke pasaran Amerika yang boleh menyebabkan inflasi. Kita juga tentu ingin tahu dari manakah Soros dan rakan-rakannya mendapat berbilion dollar Amerika?

(END)